

Zuraida masih menteri - PM

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN

fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Ahli Parlimen Ampang, Datuk Zuraida Kamaruddin setakat ini masih lagi memegang portfolionya sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Kedudukan itu hanya ditentukan selepas Zuraida dijangka bertemu dan berbincang dengan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sekembalinya Perdana Menteri dari tugas luar negara.

Ismail Sabri berkata, tarikh pertemuan belum ditetapkan dan ia diketahui selepas beliau tiba di tanah air dalam masa terdekat.

“Setakat ini, beliau masih boleh menghadiri mesyuarat Kabinet, sebab Zuraida tidak meletak jawatan sebagai menteri Kabinet dan saya pun tidak memecatnya sebagai menteri.

“Jadi, beliau masih lagi menteri sehingga mesyuarat Rabu ini (minggu depan), sehingga beliau berjumpa saya. Walaupun akan berjumpa saya, tidak tahulah sama ada saya membuat keputusan atau tidak sehingga saya memutuskan untuk Zuraida berhenti dan saya lantik menteri yang lain. (Itupun) kalau saya lantik menteri yang lain.

“Jadi, kita tidak tahu apa sebenarnya, jadi kita teruskan seperti biasa. Semua orang ber-



...beliau masih lagi menteri sehingga mesyuarat Rabu ini (minggu depan), sehingga beliau berjumpa saya.”

ISMAIL SABRI YAAKOB

hak memberi pandangan dan saya menghormatinya. Ini juga mungkin dijadikan sebagai landasan untuk saya membuat keputusan seterusnya. Tetapi, setakat ini tiada sebarang keputusan,” katanya dalam sidang akhbar selepas hadir ke Persidangan Nikkei ke-27 di Tokyo,



ZURAIDA KAMARUDDIN

Jepun, semalam.

Beliau mengulas pertanyaan pemberita sama ada mesyuarat Kabinet yang diadakan setiap Rabu masih boleh dihadiri Zuraida selepas memutuskan meletak jawatan dari kementerian itu.

Zuraida sebelum ini mengumumkan keluar daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dan menyertai Parti Bangsa Malaysia (PBM).

PBM dipimpin Ahli Parlimen Julau, Larry Sng Wei Shien yang didaftarkan sebagai badan politik rasmi pada 27 Oktober 2021 dan merupakan parti dijennamakan semula daripada Parti Pekerja Sarawak (SWP).

Keputusan mengejut Zuraida menyaksikan beliau melompat parti dua kali sejak bersama PKR, kemudian menyertai

Bersatu dan kini dengan PBM dalam keadaan kerajaan Persekutuan akan menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Anti Lompat Parti dijangka Julai ini.

Laporan Zuraida keluar Bersatu dan menyertai PBM sejak beberapa bulan lalu terbukti benar walaupun beliau pernah menafikan selain jiwanya masih setia bersama Bersatu.

Zuraida yang merupakan bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah pentadbiran Pakatan Harapan (PH) dilaporkan berada di Turki bagi memenuhi undangan Persidangan Perintis Ketujuh Gabungan Wanita Global untuk Al-Quds dan Palestin.

Ekoran keputusan Zuraida, Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dijangka mengemukakan kepada Ismail Sabri dalam masa terdekat calon pengganti.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, beliau menghormati setiap pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak mengenai perkata itu.

“Semua orang mempunyai pandangan berbeza-beza dalam soal ini, tetapi keputusan akhirnya adalah kepada Perdana Menteri. Jadi, oleh kerana terlalu awal untuk saya membuat keputusan kerana belum ada perjumpaan dan perbincangan, saya tidak mahu komenlah apa tindakan seterusnya, tunggu saya balik,” katanya.